



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (87)
Tarikh : 22 September 2020

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Dr. Chong Chee Kheong
24/09/20

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 38/2020 (13 September hingga 19 September 2020) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Signature)
(DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 38/2020 dari 13 September hingga 19 September 2020)

Pada minggu ke-38, kes Demam Denggi menunjukkan penurunan dengan sebanyak 1,361 kes dan satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,491 kes dan lima (5) kematian pada minggu sebelumnya iaitu penurunan kes sebanyak 8.7% dan penurunan kematian sebanyak 80%. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 75,804 kes berbanding 98,184 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 22.8% manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 124 kematian berbanding 143 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 13.3% **(Lampiran A & C).**

Pemantauan melalui Bilik Gerakan Denggi juga mendapati kes mingguan Demam Denggi menunjukkan tren penurunan dan berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 dan kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 **(Lampiran B)**. Lokaliti hotspot juga berkurang dengan sebanyak 28 lokaliti hotspot pada minggu ke-38 berbanding 42 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 67.86% atau 19 lokaliti hotspot dari keseluruhan 28 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti enam (6) lokaliti hotspot (21.43%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokaliti hotspot (7.14%) di Negeri Sembilan dan satu (1) lokaliti hotspot (3.57%) di Johor. **(Lampiran B & D).**


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 27 kes pada minggu ke-38 yang mana sebanyak 12 kes adalah dari Pulau Pinang, lapan (8) kes dari Kedah, lima (5) kes dari Perak dan dua (2) kes dari Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,206 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,341 sampel darah dan 20 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Banjir kilat yang seringkali terjadi di kawasan bandar pada sebelah petang sejak akhir-akhir ini menyebabkan banyak bekas-bekas terpakai yang dibuang di persekitaran menjadi tempat pembiakan Aedes. Masyarakat perlu mengubah sikap untuk tidak membuang sampah merata-rata sehingga menjadi punca penularan jangkitan Demam Denggi. Melalui pemantauan oleh KKM, tempat tumpuan orang ramai seperti lorong kaki lima, laluan bawah blok bangunan berstrata, laluan pejalan kaki atau bahu jalan menyumbang kepada pembiakan Aedes sebanyak 33.3%. Semburan aerosol boleh digunakan di dalam rumah untuk membunuh nyamuk dewasa yang mungkin infektif dan boleh menularkan Demam Denggi kepada individu lain. Jawatankuasa penduduk dan Kawasan Rukun Tetangga perlu menggerakkan aktiviti gotong-royong pembersihan persekitaran dengan pendekatan norma untuk memusnahkan tempat pembiakan Aedes. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


25 September 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 37 dan ke- 38 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 38 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-38 tahun 2020

Lampiran C

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2020
(13 September hingga 19 September 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 38/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 38/2019	
		Minggu Epid 38 (13 September – 19 September 2020)		Minggu Epid 37 (6 September – 12 September 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	1	0	65	0	260	0
2	Kedah	8	0	7	0	689	0	1,342	4
3	P. Pinang	26	0	21	0	806	2	3,574	9
4	Perak	21	0	24	0	2,412	3	2,344	4
5	Selangor	524	0	558	1	38,312	36	54,446	48
6	WP KL & Putrajaya	150	0	200	0	8,778	7	12,244	7
7	N. Sembilan	60	0	47	0	2,433	8	1,737	7
8	Melaka	90	0	91	1	2,028	6	1,632	6
9	Johor	279	0	283	2	8,986	32	8,401	22
10	Pahang	61	0	91	1	2,488	7	1,812	8
11	Terengganu	5	0	7	0	328	0	470	2
12	Kelantan	56	0	73	0	3,627	6	4,357	6
13	Sarawak	23	0	21	0	1,351	2	1,646	1
14	Sabah	55	1	67	0	3,495	15	3,887	19
15	WP Labuan	1	0	0	0	6	0	32	0
	MALAYSIA	1,361	1	1,491	5	75,804	124	98,184	143

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 38/2020
(13 September hingga 19 September 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	P/puri Mewah Taman Damai Mewah	13	89
2	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Indah Saujana Impian	22	87
3	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	17	61
4	WPKL	Titivangsa	Tmn Desa Setapak (Jln 22/27b - 34/27b)	14	60
5	WPKL	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok C1 - C5)	31	53
6	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Cahaya	19	53
7	SELANGOR	H/Langat	Rumah Kedai Jln 15/1 Sek 15 BB Bangi	11	50
8	WPKL	Titivangsa	Desa Wangsa Keramat A - F (Keramat Hujung)	21	47
9	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	32	47
10	SELANGOR	H/Langat	Jalan 6/5 Sek 6 Bandar Baru Bangi	15	45
11	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Margosa (Jln 6 - Jln 18)	16	45
12	WPKL	Kepong	Bdr Manjalara (Menara Manjalara Condo (Blok A hingga G)	12	44
13	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long	9	43
14	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 12/2	12	43
15	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Gadong Jaya	21	42
16	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 7 (Teres E : Jln 7/29-7/35)	20	41
17	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U20 (Fasa 1a Bbsb : Jln 1a/1 - 1a/9)	11	41
18	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 7 (Kondo Kristal Jln Pualam 7/32)	18	41
19	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	12	41
20	WPKL	Cheras	Warisan Cityview Fasa 1 (Blok A, B, C, & Chj)	11	39
21	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Ria Taman Sepakat Indah	24	39
22	JOHOR	J/Bharu	Tmn Kenanga Blok 10-15	8	35
23	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel C	8	34
24	SELANGOR	Petaling	E12. Tm Sek 51a Flat Impian Baiduri	5	34
25	SELANGOR	H/Langat	Jalan Desa Ampang 3 Taman Sri Ampang	5	33
26	SELANGOR	Petaling	E10. Bg Sek 16 Prima 16 (Blok A,B,C,D) [Jln 16/18]	5	33
27	SELANGOR	H/Langat	One Ampang Avenue Tmn Ampang Utama	5	32

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	H/Langat	Jln Kesuma 6/1 Bandar Tasik Kesuma	5	32

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 38/2020 (19 September 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	Kangar	1	1
2	Kedah	Baling	2	41
		Kota Setar	3	
		Kuala Muda	4	
		Kubang Pasu	3	
		Kulim	23	
		Pendang	2	
		Sik	2	
		Yan	2	
3	P. Pinang	Barat Daya	190	1,054
		Timur Laut	800	
		Seberang Perai Utara	22	
		Seberang Perai Tengah	39	
		Seberang Perai Selatan	3	
4	Perak	Batang Padang	61	962
		Hulu Perak	3	
		Kampar	163	
		Kerian	1	
		Kinta	562	
		Kuala Kangsar	47	
		Larut, Matang & Selama	113	
		Manjung	13	
		Muallim	2	
		Perak Tengah	2	
5	Selangor	Klang	2	5
		Gombak	1	
		Petaling	2	
6	WPKL & P	Kepong	2	3
		Titiwangsa	1	
7	Johor	Muar	6	7
		Segamat	1	
8	Pahang	Bera	1	2
		Cameron Highland	1	
9	Kelantan	Bachok	5	123
		Kota Bharu	101	
		Kuala Krai	3	
		Machang	2	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	9	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	2	
10	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
JUMLAH			2,206	